

Segi Maju sedia labur RM15 juta lagi

21st May 2009

KUALA LUMPUR 21 Mei - Pengendali khidmat radio teras analog, Segi Maju Consortium Sdn. Bhd. (Segi Maju) menasarkankan 20 peratus pelanggan sedia ada akan beralih kepada perkhidmatan digital dalam tempoh setahun selepas pengenalnya.

Perkhidmatan itu yang biasanya digunakan bagi komunikasi di sektor pengangkutan, tapak binaan, perkapalan, keselamatan dan industri-industri lain, bakal mendapat pasaran dan pelanggan baru pada tahun kedua.

Pengarahnya, Azizan Abdul Razak berkata, Segi Maju memiliki lebih kurang 8,000 hingga 10,000 pengguna radio analog 800 Mhz di negara ini sejak mula beroperasi 15 tahun lalu.

Pihaknya melabur RM5 juta untuk membangunkan perkhidmatan radio teras berteknologi tinggi berkenaan dalam fasa pertama.

Katanya, Segi Maju sedia melaburkan kira-kira RM15 juta lagi dalam tempoh lima tahun akan datang untuk penambah baik infrastruktur sedia ada.

"Sistem perkhidmatan radio digital ini disediakan untuk pasaran khusus dan ia merupakan kerjasama teknik dengan pembekal rumusan sistem dunia, EADS Secure Networks (EADS SN).

"Malaysia perlu mempunyai teknologi seperti sistem Tetra dan mengambil alih teknologi berkenaan untuk pembangunan perkhidmatan radio digital di sini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri majlis menandatangani perjanjian kerjasama di antara syarikat induk Segi Maju iaitu SLW Corporation Sdn. Bhd. (SLW) dengan EADS di sini hari ini.

Majlis itu disaksikan oleh Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Senator Heng Seai Kie.

Turut hadir pada majlis ialah Ketua Pegawai Eksekutif EADS SN (Asia Pasifik), Francois Begaud, Pengarah Urusan Kumpulan SLW, Lee Thong Ong dan Pengarah Urusan EADS SN, Malaysia, Bruno Navet.

Segi Maju adalah pemegang lesen bagi sistem teras radio digital manakala SLW pula berperanan sebagai menyatu padu sistem.

Sistem berkenaan menggunakan prasarana berteknologi tinggi Tetra yang dibekalkan oleh EADS.

Sistem Tetra merupakan piawaian global terkemuka yang diluluskan oleh Institut Piawaian Telekomunikasi Eropah (ETSI) bagi radio teras digital. Tetra adalah merupakan salah satu sistem keselamatan telekomunikasi yang termaju di dunia.

Sementara itu, Begaud dalam ucapannya berkata, EADS NS sudah memberi khidmat lebih kepada 90 rangkaian perkhidmatan telekomunikasi dunia.

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0522&pub=Utusan_Malaysia&sec=Korporat&pg=ko_05.htm



Heng Seai Kie (kiri) mencuba alat radio digital dua hala yang dibekalkan oleh Segi Maju sambil diperhatikan oleh Lee Thong Ong (dua dari kiri), Azizan Abdul Razak dan Francois Begaud semasa Majlis Pra - Pelancaran Sistem Radio Dua Hala di Kuala Lumpur, semalam.

Print | Close

[Top]